

Muhyiddin hadapi satu lagi pertuduhan Isnin depan

Pendakwaan di mahkamah Shah Alam difahamkan kes pengubahan wang haram

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan menghadapi satu lagi pertuduhan di mahkamah Shah Alam, Selangor pada Isnin depan, difahamkan berkaitan pengubahan wang haram.

Perkara itu dimaklumkan Peguam Cara Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh kepada Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Azura Alwi pada prosiding pertuduhan enam kes ke atas Pengerusi Perikatan Nasional (PN) merangkap Presiden BERSATU itu semalam, namun tidak memperincikannya.

Perkembangan berkenaan juga disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki dan Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu ketika bercakap kepada penyokong parti itu di luar Mahkamah Sesyen, di sini.

Ahmad Faizal yang juga Timbalan Pengerusi PN menyifatkan pertuduhan terhadap Muhyiddin sebagai peristiwa menyedihkan



Muhyiddin ketika meninggalkan Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

kerana bekas Perdana Menteri yang berkorban untuk negara didakwa dimalukan dengan pendakwaan di mahkamah.

Pada sidang media Perhimpunan Agung Tahunan Srikandi BERSATU kemudian, beliau menegaskan, dakwaan salah guna kuasa dan rasuah dikenakan terhadap Muhyiddin, tidak mematahkan semangat ahli parti, sebaliknya mengukuhkan lagi kekuatan BERSATU dan PN.

“Amalan tradisi parti yang menyaksikan Perhimpunan Agung Tahunan dirasmikan oleh Presiden dan Timbalan Presiden tidak dapat dilakukan kali ini kerana kepemimpinan parti berada di Mahkamah Kuala Lumpur ba-

gi memberikan sokongan kepada Presiden.

“Namun, perwakilan tetap bersemangat meneruskan persidangan dan berbahas usul-usul penting berkaitan isu rakyat,” katanya sambil menambah, sokongan terhadap Presiden BERSATU semakin utuh dan tiada laporan mengenai perpecahan dalam akhbar pendakwaan yang sedang berlangsung.

“Perwakilan tetap fokus mengenai isu rakyat, membantu rakyat menangani masalah yang mereka hadapi. Ahli BERSATU semakin bersemangat dan semakin utuh menyokong presiden dan pimpinan parti,” katanya.

Ditanya sama ada perhimpun-

nan dijadualkan malam ini akan menyaksikan ahli dan penyokong PN serta BERSATU bertindak agresif untuk membantah pendakwaan terhadap Muhyiddin, beliau berkata, ia bertujuan berkongsi maklumat kepada rakyat mengenai agenda parti dan bukan untuk merusuh.

“Bukan sahaja pada malam esok (malam ini), tetapi dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan datang, jelajah rakyat ini akan dilaksanakan di seluruh negara, terutama di negeri yang terbabit dengan PRN akan datang,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainu-

ddin, pada sidang media sama, berkata tidak ada sebab beliau dipanggil untuk siasatan oleh SPRM.

“Hentikan spekulasi yang tidak berasas, tiada sebab saya hendak dipanggil SPRM,” katanya turut senada dengan Ahmad Faizal bahawa pendakwaan terhadap Muhyiddin semalam mengukuhkan semangat kerjasama dalam kalangan ahli dan perwakilan perhimpunan agung kali ini.

Terdahulu, Muhyiddin ketika bercakap kepada penyokong di luar Mahkamah Sesyen, meminta ahli BERSATU dan penyokong PN bertenang serta patuh kepada undang-undang demi keamanan negara.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau dan pasukan peguamnya akan berusaha untuk mendapatkan keadilan di mahkamah, selain menyerahkan nasibnya kepada Allah dan hakim yang adil.

“Saya tidak akan mengajak saudara dan saudari turun ke jalan untuk mempertahankan diri saya. Ini zaman kegawatan ekonomi akibat COVID-19, rakyat sedang mengalami kesusahan hidup. Saya tak mahu membebankan rakyat untuk membela diri saya.

“Kita semua mesti patuh kepada undang-undang dan peliharaan keamanan negara,” katanya sambil menambah beliau menerima segala pertuduhan dengan sabar kerana sedar dalam dunia politik, tidak dapat lari daripada musuh.